

KAJIAN IPS MENGENAI TANGGAPAN RAKYAT TERHADAP SEJARAH SINGAPURA

Rakyat bangga dengan pencapaian Singapura

► **DARWIS SAID**
darwis@sph.com.sg

RAKYAT Singapura merasakan beberapa peristiwa yang mereka anggap penting dalam sejarah Singapura juga penting bagi generasi akan datang.

Ini terutamanya menyentuh peristiwa yang berkaitan dengan pembangunan prasarana fizikal negara ini yang membanggakan.

Pada masa yang sama, peristiwa yang mencabar ketahanan negara dan simbol kenegaraan, seperti penularan wabak Sars pada 2003 dan penciptaan ikrar kebangsaan, dianggap antara detik-detik penting yang harus dikenang oleh rakyat Singapura sekarang dan generasi akan datang.

Dapatan itu didedahkan dalam satu tinjauan Institut Pengajian Dasar (IPS), Universiti Nasional Singapura (NUS), yang dijalankan baru-baru ini.

Seramai 1,516 responden berusia 21 tahun ke atas telah ditinjau sekumpulan pengkaji IPS dalam satu kajian yang diberi tajuk "Tanggapan Sejarah Singapura", antara Ogos dengan Oktober tahun lalu.

Ia sebahagian daripada program Perspektif Singapura 2015, yang dijalankan bersama lima pelajar tahun akhir Sekolah Media Interaktif dan Digital, Politeknik Nanyang.

"Kajian itu mendapati bahawa peristiwa-peristiwa terbaru lebih mudah diingat," kata ketua kumpulan pengkaji tinjauan itu, Dr Leong Chan-Hoong, dalam satu taklimat akhbar.

"Daripada satu senarai 50 peristiwa yang berlaku dalam sejarah Singapura moden (sejak



PERISTIWA SARS TERUS TERUKIR DI HATI RAKYAT: Singapura pernah dicengkam wabak Sars pada 2003 dan ia adalah antara peristiwa yang paling diingat dan paling menyentuh perasaan rakyatnya. – Foto fail

pendaratan Sir Stamford Raffles pada 1819), empat peristiwa utama yang kerap disebut oleh para responden berlaku pada dekad lepas.

"Ini termasuk pembukaan kasino, penularan wabak Sars, gangguan besar-besaran pada sistem MRT pada 2011 dan peristiwa Mas Selamat meloloskan diri dari penahanan keselamatan," jelas Dr Leong, yang juga Zamil Kajian Kanan IPS.

Namun, kesedaran individu terhadap peristiwa-peristiwa itu tidak semestinya membawa kepada rasa empati atau mempe-

ngaruhi emosi mereka, menurutnya.

"Sebagai contoh, walaupun ramai rakyat Singapura (sekitar 98.8 peratus) menyedari berlakunya peristiwa pembukaan kasino pada 2010, mereka tidak merasakan ia satu peristiwa yang penting bagi rakyat sekarang dan generasi akan datang Singapura.

"Malah, secara umumnya, pembukaan dua kasino itu disenaraikan pada kedudukan terbawah dalam senarai peristiwa yang paling mempengaruhi perasaan rakyat Singapura," kata beliau.

Beliau turut memberi contoh kekalahan Parti Tindakan Rakyat (PAP) di GRC Aljunied pada pilihan raya 2011, penganjuran Sukan Olimpik Belia pada 2010 dan pendaratan Sir Stamford Raffles pada 1819 sebagai antara peristiwa yang tidak banyak mempengaruhi perasaan responden meskipun mereka menyedari tentang berlakunya peristiwa-peristiwa itu.

"Rata-rata responden tidak merasakan peristiwa tersebut penting bagi mereka atau mempengaruhi kehidupan generasi akan datang," tegasnya.

Bagaimanapun, Dr Leong berkata perbezaan tanggapan telah dilihat apabila dapatan itu dianalisis berdasarkan pada kumpulan etnik masing-masing.

Menurutnya, peristiwa-peristiwa yang dikaitkan dengan kaum tertentu lebih mudah diingat oleh kaum berkenaan.

Beliau memberi contoh peristiwa rusuhan Martha Hertogh atau Natrah pada 1950-an dan komplot pengganasan kumpulan Jemaah Islamiyah (JI) di sini.

"Kedua-dua peristiwa itu lebih diingat kaum Melayu berbanding dengan kaum lain," ujarnya kepada *Berita Harian*.

Kajian IPS itu juga mendapati bahawa peristiwa-peristiwa yang dikaitkan dengan usaha pembangunan negara, episod-episod yang memecahbelahkan masyarakat serta insiden-insiden yang mencerminkan kebingkasan rakyat Singapura mengatasi cabaran dan krisis lebih mempengaruhi responden.

"Pembangunan prasarana seperti pelancaran dan pembukaan MRT dan Lapangan Terbang Changi pada 1980-an, serta simbol kenegaraan seperti penciptaan ikrar kebangsaan pada 1966 dan pembentukan HDB pada 1960 menjadi kebanggaan bersama dan lebih menyentuh perasaan responden.

"Peristiwa-peristiwa yang memecahbelahkan pandangan masyarakat tentang bagaimana negara ini harus ditadbir seperti dasar pengawalan kelahiran 'dua orang anak sahaja' pada 1970, rusuhan kaum dan dasar dwibahasa pada 1960-an lebih meninggalkan kesan ke atas mereka," jelasnya.

PERISTIWA PENTING YANG MUDAH DIINGATI

1. Pembukaan kasino (2010)
2. Penularan wabak Sars (2003)
3. Gangguan khidmat MRT (2011)
4. Mas Selamat lolos daripada tahanan (2008)
5. Encik Goh Chok Tong ambil alih sebagai Perdana Menteri daripada Encik Lee Kuan Yew (1990)
6. Pendudukan Jepun di Singapura pada Perang Dunia Kedua (1942)
7. Parti Tindakan Rakyat (PAP) kehilangan GRC Aljunied (2011)
8. Pendaratan Sir Stamford Raffles di Singapura (1819)
9. Mantan Perdana Menteri, Encik Lee Kuan Yew, menangis di televisyen selepas perpisahan antara Singapura dengan Malaysia (1965)
10. Singapura jadi hos Sukan Olimpik Belia (2010)

10 PERISTIWA UTAMA DIANGGAP PENTING OLEH RAKYAT SINGAPURA

1. Penularan wabak Sars (2003)
2. Pelancaran rasmi khidmat MRT (1988)
3. Pembentukan Lembaga Perumahan dan Pembangunan (1960)
4. Pembukaan rasmi Lapangan Terbang Changi (1981)
5. Penciptaan ikrar kebangsaan Singapura (1966)
6. Mantan Perdana Menteri, Encik Lee Kuan Yew, menangis di televisyen selepas perpisahan antara Singapura dengan Malaysia (1965)
7. Mata wang Singapura diperkenalkan (1967)
8. Penciptaan lagu kebangsaan 'Majulah Singapura' (1958)
9. Projek NEWater siap (2000)
10. Kemasukan kumpulan pertama anggota Perkhidmatan Negara (1967)

TINJAUAN TANGGAPAN TERHADAP SEJARAH SINGAPURA

'Majulah Singapura' tersemat dalam minda orang Melayu

Masyarakat juga anggap penciptaan lagu dan ikrar kebangsaan kritikal dalam pembentukan generasi akan datang

► **DARWIS SAID**
darwis@sph.com.sg

LAGU Kebangsaan Singapura, yang dicipta oleh Allahyarham Zubir Said pada 1958 dan dinyanyikan di sekolah dan upacara rasmi lain di sini, dilihat sebagai peristiwa paling penting dalam sejarah Singapura oleh masyarakat Melayu setempat.

Masyarakat Melayu Singapura juga melihat peristiwa itu sebagai paling penting dalam membentuk generasi akan datang di negara ini.

Mereka turut meletakkan penciptaan ikrar kebangsaan sebagai antara peristiwa paling utama dalam sejarah Singapura bagi generasi sekarang dan akan datang.

Demikian antara dapatan tinjauan terbaru oleh Insititut Pengajian Dasar (IPS), Universiti Nasional Singapura (NUS), mengenai *Tanggapan terhadap Sejarah Singapura* yang dilakukan antara Ogos dengan Oktober tahun lalu.

Sejumlah 1,516 rakyat Singapura ditinjau mengenai tanggapan mereka terhadap 50 peristiwa penting dalam sejarah moden Singapura – sejak pendaratan Sir Stamford Raffles di negara ini hingga pilihan raya umum pada 2011.

Soalan-soalan tinjauan telah diberikan dalam empat bahasa rasmi di Singapura – Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil.

"Saya fikir kaum minoriti, secara umumnya, mereka lebih sedar tentang konteks berlakunya insiden-insiden bersejarah. Mereka lebih banyak menumpukan perhatiannya kepada ehwal semasa yang dikaitkan dengan berlakunya peristiwa-peristiwa itu," kata ketua pengkaji

tinjauan tersebut, Dr Leong Chan-Hoong, ketika diminta oleh *Berita Harian* mengulas dapatan itu.

Sambil memberi contoh beberapa lagi peristiwa yang tidak mudah dilupakan oleh masyarakat Melayu – termasuk rusuhan Martha Hertogh atau 'Natrah' pada 1950-an, komplot pengganasan Jemaah Islamiyah (JI) pada 2002 dan pelolosan Mas Selamat dari tahanan keselamatan – Dr Leong, yang juga Zamil Kajian Kanan IPS, berkata peristiwa yang berkaitan dengan isu perkauman lebih diingati masyarakat yang terjejas.

"Kedua-dua peristiwa – rusuhan Maria Hertogh pada 1950-an dan isu sekitaran komplot pengganasan JI pada awal 2000 – lebih diingati kaum Melayu berbanding dengan kaum lain," tegasnya.

Beberapa peristiwa bersejarah lain, termasuk pembukaan rasmi Lapangan Terbang Changi (1981), pelancaran rasmi khidmat MRT (1988), pembentukan Lembaga Perumahan dan Pembangunan atau HDB (1960) dan peristiwa mantan perdana menteri, Encik Lee Kuan Yew, menangis di televisyen selepas perpisahan antara Singapura dengan Malaysia (1965), juga tidak terhapus daripada ingatan dan dianggap penting oleh masyarakat Melayu.

Bagi generasi mendatang pula, masyarakat Melayu menanggapi peristiwa penciptaan lagu kebangsaan, penularan wabak Sars dan dasar dwibahasa yang diperkenalkan di sekolah pada 1966, sebagai antara peristiwa bersejarah penting yang tidak harus dilupakan mereka.


Laporan lain
– Muka 4



ALLAHYARHAM ZUBIR SAID: Lagu kebangsaan yang beliau cipta pada 1958 dianggap peristiwa paling penting dalam sejarah Singapura oleh responden Melayu yang ditinjau. – Foto-foto fail

"Saya fikir kaum minoriti, secara umumnya, mereka lebih sedar tentang konteks berlakunya insiden-insiden bersejarah. Mereka lebih banyak menumpukan perhatiannya kepada ehwal semasa yang dikaitkan dengan berlakunya peristiwa-peristiwa itu."

– Dr Dr Leong Chan-Hoong.



SINGAPURA BERPISAH: Peristiwa mantan perdana menteri, Encik Lee Kuan Yew menangis di televisyen selepas Singapura berpisah dari Malaysia antara 10 peristiwa terpenting bagi masyarakat Melayu.

Tanggapan Melayu Singapura

10 peristiwa utama dianggap penting oleh masyarakat Melayu

1. Penciptaan lagu kebangsaan 'Majulah Singapura' (1958)
2. Penciptaan ikrar kebangsaan Singapura (1966)
3. Pembukaan rasmi Lapangan Terbang Changi (1981)
4. Pelancaran rasmi khidmat MRT (1988)
5. Pembentukan Lembaga Perumahan dan Pembangunan atau HDB (1960)
6. Peristiwa mantan perdana menteri, Encik Lee Kuan Yew, menangis di televisyen selepas perpisahan antara Singapura dengan Malaysia (1965)
7. Mata wang Singapura diperkenalkan (1967)
8. Pembentukan Parti Tindakan Rakyat atau PAP (1954)
9. Cukai barangan dan perkhidmatan (GST) diperkenalkan (1994)
10. Projek NEWater siap (2000)

10 peristiwa utama masyarakat Melayu anggap penting bagi generasi mendatang

1. Penciptaan lagu kebangsaan 'Majulah Singapura' (1958)
2. Penularan wabak Sars (2003)
3. Pengenalan dasar dwibahasa di sekolah-sekolah (1966)
4. Penciptaan ikrar kebangsaan Singapura (1966)
5. Pembukaan rasmi Lapangan Terbang Changi (1981)
6. Kemasukan kumpulan pertama anggota Perkhidmatan Negara (1967)
7. Rusuhan kaum (1964)
8. Pelancaran rasmi khidmat MRT (1988)
9. Mata wang Singapura diperkenalkan (1967)
10. Pembentukan Lembaga Perumahan dan Pembangunan atau HDB (1960)